



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN AMANAT TAHUN
BAHARU PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG 2023**

31 JANUARI 2021 | SELASA

9.00 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Pemangku Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan
warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan berkat taufik dan hidayah-Nya, kita masih diberi kekuatan dan kesempatan untuk melangkah ke tahun baharu 2023 dan berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan dan Amanat Tahun Baharu Peringkat Majlis Perbandaran Selayang 2023. Sedar tidak sedar, masa berlalu dengan pantas dan esok kita akan memasuki bulan Februari.

2. Sebelum itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga MPS yang telah melaksanakan tugas dengan cekap dan cemerlang sepanjang tahun 2022. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua atas kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai tahun lepas sempena 25 tahun MPS penuh kemakmuran. Semangat yang telah ditunjukkan oleh warga MPS sebagai satu pasukan dalam memberikan perkhidmatan secara profesional dan penuh keikhlasan amatlah saya hargai.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

3. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023. Semoga 2023 ini menjadi satu lembaran baharu buat seluruh warga MPS.

4. Sejahtera, Makmur, Bersama merupakan moto MPS pada tahun 2023. Saya berharap moto ini dapat disemai dalam setiap diri masing-masing sebagai warga MPS agar kita dapat merancang untuk melaksanakan agenda MPS yang mampan selaras dengan semangat dalam memperkasakan kecekapan perkhidmatan MPS kepada seluruh penduduk Selayang.

PENGENALAN AHLI MAJLIS TAHUN 2023

5. Alhamdulillah, seperti semua sedia maklum, pada 3 Januari 2023 yang lepas, seramai 22 Ahli Majlis telah dilantik bagi tahun 2023 di mana 20 orang adalah lantikan semula dan 2 orang adalah lantikan baharu iaitu Tuan Mohamad Faridul Amini bin Suhaimi dan Puan Alice Choo Foong Thye.

6. Sebentar lagi, sesi pengenalan ringkas Ahli-ahli Majlis juga akan diadakan agar semua dapat mengenali dan mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan mereka yang berperanan sebagai penasihat dan pembuat dasar bersama barisan pengurusan MPS dengan melibatkan diri sebagai Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Utama.

7. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan Ahli Majlis bagi penggal

2021-2022 yang telah memberi komitmen yang tinggi kepada MPS sebelum ini. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah mereka curahkan amat saya hargai.

SISPAA-MPS 2023

8. Untuk makluman semua, Majlis Perbandaran Selayang telah menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam, Majlis Perbandaran Selayang (SISPAA-MPS) sebagai medium Pengurusan Aduan Awam bermula pada 1 Januari 2023 bagi menggantikan Sistem STARS MPS yang digunakan sebelum ini.
9. SISPAA-MPS ini dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) sebagai sistem aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan pekeliling pada 9 Februari 2022. Pihak Biro Pengaduan Awam (BPA) melalui Kerajaan Negeri Selangor mengesyorkan supaya sistem SISPAA-PBT digunakan sepenuhnya bagi memastikan pengurusan aduan dapat dilaksanakan secara berpusat olen semua PBT.
10. Antara kelebihan SISPAA-MPS ini adalah aduan yang melibatkan agensi lain boleh dipanjangkan terus melalui sistem SISPAA. Maklum balas juga boleh diselaraskan secara

sekaligus untuk aduan yang sama lokasinya dan beberapa orang pengadu berlainan.

11. Penggunaan SISPAA-MPS akan mencapai objektif utama pengurusan aduan awam iaitu mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian maklum balas kepada pengadu. Bagi membuat aduan, mengemukakan pertanyaan, menyampaikan cadangan dan menyemak maklum balas aduan, layari portal SISPAA-MPS di <https://mps.spab.gov.my> .

SASARAN KERJA TAHUNAN 2023

12. Alhamdulillah, pada 12 hingga 15 Januari yang lepas, pengurusan tertinggi MPS telah menghadiri Mesyuarat Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) / Sasaran Kerja Utama (SKU) 2023 Bilangan 1/2023 MPS di Kota Bharu, Kelantan.
13. Pengurusan tertinggi MPS telah membentangkan sasaran kerja bagi setiap jabatan bagi tahun 2023 dan maklum balas yang diterima adalah sangat memberangsangkan dan diharap tahun 2023, MPS dapat memacu lebih banyak kejayaan ke arah kecemerlangan sejajar dengan sasaran kerja yang telah ditetapkan.

MIP PLANNING EXCELLENT AWARD (PEA) 2022

14. Untuk makluman, MPS telah berjaya merangkul 2 anugerah perak dan 1 anugerah gangsa pada MIP Planning Excellent Award (PEA) 2022 yang telah diadakan pada 16 Januari 2023 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

15. MPS telah membawa pulang 2 anugerah perak bagi kategori Heritage and Conservation (Policy and Study) untuk Laporan Rancangan Kawasan Khas Pekan Batu Arang bersama Plan@Malaysia Selangor dan kategori Placemaking and Public Space (Community LED Initiative) bagi Projek Inovasi Lorong Belakang Rumah bersama Garden 8.

16. Bagi anugerah gangsa, MPS telah berjaya dalam kategori Placemaking and Public Space (Government Initiative – Municipal Council Category) di bawah projek Greenwood A New Outlook.

17. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengharumkan nama MPS.

KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA)

2022

18. Kejohanan Sukan Pihak Tempatan (MALA) 2022 telah diadakan pada 24 hingga 29 Januari 2023 di Johor Bahru. Alhamdulillah MPS telah menghantar wakil peserta bagi lima acara sukan iaitu golf, badminton, sepak takraw, karom dan futsal.

19. Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada pasukan Golf MPS atas kejayaan menjadi Johan keseluruhan berpasukan. Turut diucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Hafizan bin Khamis dari Unit Urus Selenggara Bangunan, Jabatan Kejuruteraan yang telah dinobatkan sebagai Individu Johan dan Encik Hafiz bin Jaafar dari Penguatkuasa dan Keselamatan yang turut melakar kemenangan sebagai Individu Naib Johan.

20. Secara keseluruhan, MPS telah menduduki tangga ke 13 daripada 30 PBT Malaysia yang mengambil bahagian pada Kejohanan Sukan MALA 2022 ini. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

PERASMIAN PEMBUKAAN JALAN BAHARU RAINTREE DAN MAJLIS PECAH TANAH PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SELAYANG

21. Untuk makluman, MPS akan mengadakan Perasmian Pembukaan Jalan Baharu Raintree dan Majlis Pecah Tanah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Selayang pada 4 Februari 2023 bertempat di Jalan Laksamana 2, Taman Gombak Permai.

22. Harapan saya semoga dengan pelaksanaan projek ini, ia akan memberi peluang kepada masyarakat sekitar khususnya golongan warga emas bagi mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG 2023 (APPC 2023)

23. Pasukan panel penilai dari SUK Selangor akan hadir mengaudit MPS pada 13 Februari 2023 bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC 2023). Ia dilaksanakan dengan berpandukan kepada tujuan untuk mengukur tahap kecemerlangan perkhidmatan

organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam sesebuah organisasi.

24. Sehubungan itu, saya berharap agar semua warga MPS dapat memberikan sepenuh komitmen dan fokus dalam penyediaan segala dokumentasi yang berkaitan dan mengekalkan prestasi cemerlang APPC pada tahun ini.

BANTUAN KHAS KEWANGAN

25. Sebagaimana semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri berkenaan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) berjumlah satu setengah bulan gaji kepada semua penjawat awam di Negeri Selangor, MPS telah mengagihkan bayaran BKK satu bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada Ahli-Ahli Majlis dan semua kakitangan MPS pada 29 Disember 2022 yang lalu.

26. Oleh yang demikian, baki bayaran BKK iaitu setengah bulan gaji akan dibuat pada 3 Februari 2023. Di kesempatan ini, saya ingin ucapkan terima kasih sekali lagi kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Harapan saya semoga inisiatif ini dapat meningkatkan lagi semangat kerja dalam kalangan warga MPS.

REWARD KESELURUHAN MPS TAHUN 2022

27. Pembentangan prestasi pendapatan mengikut Kumpulan Meningkatkan Hasil berdasarkan Sistem 'Reward' MPS tahun 2022 telah mencapai keputusan untuk memberikan ganjaran atau insentif kepada semua warga MPS dan Ahli-ahli Majlis MPS.
28. Pada tahun 2022, jumlah perbelanjaan MPS adalah sebanyak RM176,350,691 (100%) manakala jumlah pendapatan yang telah berjaya diperolehi adalah sebanyak RM227,556,816 (120.78%). Ini bermakna MPS telah berjaya memperolehi lebihan bersih Majlis iaitu sebanyak RM51,206,126 (20.78%).
29. Pencapaian ini amatlah membanggakan MPS. Sehubungan itu, MPS akan memberikan ganjaran atau insentif berjumlah RM1,500.00 kepada semua warga MPS berikutan pencapaian ini.

UCAPAN THAIPUSAM

30. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam buat seluruh warga MPS beragama Hindu yang meraikannya. Semoga semangat perpaduan dalam kepelbagaian kaum akan terus kekal menjadi asas keharmonian dan kesejahteraan di negara kita.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

31. Akhir kata, semoga MPS dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan pada tahun 2023 dan kita semua akan kekal sihat sejahtera, dipanjangkan umur untuk menggalas tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berdedikasi untuk mengharumkan nama MPS di peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.